

NAMA: ..... TINGKATAN: .....

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5**  
**TAHUN 2023**

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**  
**KERTAS 1**

1 JAM 15 MINIT

---

**JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas modul ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Modul ini mengandungi 20 halaman bercetak

1 Antara berikut, yang manakah komponen dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?

- I Ekuiti Pemilik
- II Kos Jualan
- III Belanja
- IV Aset

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

2 Maklumat berikut berkaitan dengan kod etika dalam profesion perakaunan.

Akauntan tidak boleh bersikap berat sebelah dan tidak mudah terpengaruh oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

Apakah kod etika yang menepati pernyataan tersebut ?

- A Integriti
- B Objektiviti
- C Kerahsiaan
- D Kompetensi

3 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Sinar.

Perniagaan Sinar perlu menjelaskan bayaran  
K dalam tempoh masa lebih dari satu tahun.

Apakah K ?

- A Akaun Belum Bayar
- B Pinjaman bercagar
- C Overdraf bank
- D Gaji prabayar

4 Antara berikut, yang manakah rumus persamaan perakaunan yang betul?

- I  $\text{Aset} = \text{Liabiliti} + \text{Ekuiti Pemilik}$
- II  $\text{Aset} = \text{Liabiliti} - \text{Ekuiti Pemilik}$
- III  $\text{Aset} = \text{Liabiliti} + \text{Modal} + \text{Untung bersih}$
- IV  $\text{Aset} = \text{Liabiliti} - \text{Modal} - \text{Hasil} + \text{Belanja}$

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 5 Pada 30 Januari 2023, Encik Fauzi membeli barang niaga bernilai RM1 800 daripada Perniagaan Pelangi dengan syarat 15% 10 hari, 10% 15 hari.

Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar pada 16 Februari 2023?

- A RM1 350
- B RM1 530
- C RM1 620
- D RM1 800

- 6 Encik Kelvin menghantar satu dokumen yang menunjukkan ringkasan urus niaga kepada pelanggannya pada setiap akhir bulan.

Apakah dokumen tersebut?

- A Invois
- B Nota Debit
- C Penyata Akaun
- D Baucar Pembayaran



7 Dokumen di bawah diterima oleh Puan Manis.

<b>ASAL</b>	<b>No : 5330</b>																				
<p>Suria Berhad                  No 915 Lot Wahyu 4, Jalan Utama                  Bandar Puteri Jaya, 08000 Sg Petani,                  Kedah</p>																					
<b>INVOIS</b>																					
Kepada: Puan Manis 12, Jalan Seri 2, Taman Seri, 44300 Batang Kali, Selangor	Tarikh : 08 April 2023																				
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;">BIL</th> <th style="width: 45%;">Keterangan</th> <th style="width: 15%;">Kuantiti</th> <th style="width: 15%;">Harga Seunit (RM)</th> <th style="width: 20%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Madu ABS</td> <td style="text-align: center;">100</td> <td style="text-align: center;">80</td> <td style="text-align: right;">8 000</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Tolak : Diskaun 10%</td> <td style="text-align: center;">L</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;"><b>JUMLAH</b></td> <td style="text-align: center;"><b>M</b></td> </tr> </tbody> </table>	BIL	Keterangan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	1	Madu ABS	100	80	8 000	Tolak : Diskaun 10%				L	<b>JUMLAH</b>				<b>M</b>	
BIL	Keterangan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)																	
1	Madu ABS	100	80	8 000																	
Tolak : Diskaun 10%				L																	
<b>JUMLAH</b>				<b>M</b>																	
(Ringgit : ..... sahaja) Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari Serahan : Angkutan dibayar K.& K. di K.																					
<u>Manis</u> Penerima	<u>Wong</u> Pengurus																				

Berapakah diskaun tunai yang diperoleh sekiranya Puan Manis membuat bayaran pada 16 April 2023?

- A RM144
- B RM360
- C RM576
- D RM720

8 Antara berikut, urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Am?

- I Angkutan keluar tersilap rekod sebagai angkutan masuk
- II Ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga
- III Memulangkan barang niaga kepada pembekal
- IV Menjual barang niaga secara kredit

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Urus niaga yang manakah direkodkan dalam Buku Tunai?

- I Pembelian aset bukan semasa secara kredit
- II Pembayaran hutang kepada pembekal menggunakan cek
- III Membeli barang niaga menggunakan wang peribadi pemilik
- IV Pemilik mengambil wang perniagaan untuk kegunaan sendiri

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 10 Analisis Pembayaran dalam Buku Tunai Runcit yang manakah tepat bagi urus niaga berikut?

	Urus niaga	Analisis Pembayaran
I	Membayar tiket parkir	Tambang
II	Membayar upah mengecat pintu	Belanja pejabat
III	Membeli kertas A4 dan sampul surat	Pos
IV	Membayar servis mesin pencetak	Alat tulis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 11 Urus niaga berikut diambil daripada Perniagaan Khairil pada 30 Ogos 2022.

Pemilik mengambil wang perniagaan untuk tujuan pengiklanan

Apakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Promosi	Tunai
B	Ambilan	Tunai
C	Ambilan	Promosi
D	Tunai	Promosi

- 12 Berikut ialah maklumat Akaun Belum Bayar bagi Perniagaan Khalish.

	RM
Baki pada 1 Ogos 2023	4 690
Baki pada 31 Ogos 2023	18 580
Pindahan dari Lejar Belian ke Lejar Jualan	430
Pembayaran kepada pembekal	15 030
Angkutan dikenakan	1 260
Belian	<b>N</b>

Berapakah N?

- A RM28 090  
 B RM27 230  
 C RM25 990  
 D RM25 130
- 13 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Alimah Enterprise pada 30 Jun 2023.

	RM
Untung kasar	21 500
Sewa	6 000
Alat tulis	310
Dividen	650

Berapakah untung bersih?

- A RM15 840  
 B RM16 150  
 C RM26 540  
 D RM28 150



- 14 Berikut ialah Akaun Perdagangan Qaseh Enterprise bagi tahun berakhir 31 Julai 2023.

**Qaseh Enterprise**  
**Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2023**

	RM	RM		RM
Inventori awal		4 200	Jualan	54 600
Belian	38 500		(-) Pulangan masuk	870
(-) Pulangan keluar	770			<u>53 730</u>
	<u>P</u>			
(+) Angkutan masuk	630	Q		
		<u>R</u>		
(-) Inventori akhir		3 550		
		<u>S</u>		

Berapakah kos barang untuk dijual?

- A RM37 730  
B RM38 360  
C RM39 010  
D RM42 560

- 15 Akaun-akaun berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Shawn pada 31 Mei 2023.

Akaun Sewa

RM	2023	RM
	Mei 31 Bank	2 500

Akaun Belian

2023	RM	RM
Mei 31	Akaun Belum Bayar	12 150

Catatan yang manakah betul dalam Imbangan Duga?

A Imbangan Duga pada 31 Mei 2023

Butir	Debit RM	Kredit RM
Sewa	2 500	
Belian		12 150

B Imbangan Duga pada 31 Mei 2023

Butir	Debit RM	Kredit RM
Sewa		2 500
Belian	12 150	

C Imbangan Duga pada 31 Mei 2023

Butir	Debit RM	Kredit RM
Sewa	2 500	
Belian	12 150	

D Imbangan Duga pada 31 Mei 2023

Butir	Debit RM	Kredit RM
Sewa		2 500
Belian		12 150

16 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Aliff.

	1 Januari 2022 RM	31 Disember 2022 RM
Komisen belum terima		500
Komisen belum terperoleh	1 000	

Buku Tunai

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2022					
Dis 31	Komisen	10 400			

Berapakah komisen yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

- A RM8 900
- B RM9 900
- C RM10 900
- D RM11 900

17 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Pemiagaan Ameen.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

Butir	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	8 200	
Peruntukan Hutang Ragu		134
Hutang Lapuk	200	

Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada 3% atas Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah peruntukan hutang ragu yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM106
- B RM112
- C RM240
- D RM246

- 18 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Arfah pada 30 Jun 2023.

	RM
Kenderaan (kos)	80 000
Susut nilai terkumpul kenderaan (1 Julai 2022)	10 000

Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Apakah pengiraan yang tepat untuk mendapatkan susut nilai kenderaan?

- A  $RM80\,000 \times 10\%$   
 B  $(RM80\,000 - RM10\,000) \times 10\%$   
 C  $RM10\,000 + (RM80\,000 \times 10\%)$   
 D  $RM10\,000 + (RM80\,000 - RM10\,000) \times 10\%$
- 19 Apakah catatan bergu untuk merekod Hutang Lapuk Terpulih?

	Debit	Kredit
A	Hutang Lapuk Terpulih	Hutang Lapuk
B	Hutang Lapuk	Hutang Lapuk Terpulih
C	Bank	Hutang Lapuk Terpulih
D	Hutang Lapuk Terpulih	Bank

- 20 Maklumat di bawah diperolehi daripada Syarikat Anna.

Jumlah dalam Jurnal Belian telah terlebih catat sebanyak RM300

Apakah kesilapan yang telah dilakukan oleh Syarikat Anna?

- A Kesilapan komisen  
 B Kesilapan pindahan  
 C Kesilapan pengiraan  
 D Kesilapan ketinggalan



21 Apakah nisbah yang digunakan untuk mengukur keupayaan perniagaan membayar hutang dengan segera?

- A Tempoh pembayaran hutang
- B Nisbah ujian asid
- C Nisbah semasa
- D Tokokan

22 Maklumat berikut diperolehi daripada Bakti Enterprise pada 31 Julai 2023.

	RM
Jualan bersih	60 000
Pulangan jualan	500
Jumlah belanja	5 400
Jumlah hasil	1 500

Berapakah nilai untung kasar perniagaan tersebut sekiranya Margin Untung Bersih ialah 15%?

- A RM5 025
- B RM5 100
- C RM12 825
- D RM12 900

23 Apakah implikasi rekod tak lengkap?

- A Baki tunai tidak dapat ditentukan
- B Imbangan Duga tidak dapat disediakan
- C Penyata Kewangan tidak dapat disediakan
- D Untung atau rugi perniagaan tidak dapat ditentukan

- 24 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Mawardah Enterprise.

## Buku Tunai (petikan)

	RM		
Akaun Belum Terima	11 300		
Jualan	13 800		

## Maklumat tambahan:

- i) Memberi diskaun kepada pelanggan RM170.
- ii) Baki Akaun Belum Terima pada 30 September 2023 ialah RM8 800.

Berapakah jumlah jualan yang akan direkodkan dalam Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 September 2023?

- A RM2 330
  - B RM16 130
  - C RM20 270
  - D RM34 070
- 25 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Sakura yang tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap.

	1 April 2022	31 Mac 2023
	RM	RM
Perabot	10 300	12 000
Inventori	7 500	6 400
Bank	5 700	(1 200)
Akaun Belum Terima	6 300	5 700
Akaun Belum Bayar	3 400	5 300
Modal	26 400	?

Berapakah untung atau rugi perniagaan?

- A Untung RM6 400
- B Rugi RM6 400
- C Untung RM8 800
- D Rugi RM8 800

- 26 Butiran manakah dikelaskan dengan betul bagi penerimaan dan pembayaran dalam Belanjawan Tunai?

	Penerimaan	Pembayaran
A	Gaji	Ansuran Pinjaman
B	Modal	Akaun Belum Terima
C	Jualan	Sewa kedai
D	Pinjaman bank	Hutang lapuk

- 27 Apakah butiran yang dikreditkan dalam Penyata Bank tetapi belum dicatatkan dalam Buku Tunai?

- A Dividen
- B Caj bank
- C Faedah overdraf
- D Perintah sedia ada

- 28 Berikut adalah petikan Buku Tunai dan Penyata Bank Perniagaan Sharil.

Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2023 Okt 9	Komisen	280			

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit
2023				
Okt 11	Deposit			208

Kesilapan catatan telah dikesan berlaku pada Buku Tunai.

Apakah catatan yang tepat dalam Buku Tunai yang dikemaskini?

- A Debit RM72
- B Kredit RM72
- C Debit RM208
- D Kredit RM208



- 29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian 2T yang dimiliki oleh Talib dan Tan. Mereka berkongsi untung rugi mengikut nisbah 3:2.

	RM
Untung Bersih	37 420
Faedah atas Modal	2 430
Modal Talib	35 000
Modal Tan	35 000
Faedah atas Ambilan	800

Berapakah kongsi untung Talib?

- A RM17 895  
 B RM19 525  
 C RM21 474  
 D RM23 430
- 30 Maklumat berikut adalah petikan Imbangan Duga Perkongsian SARA pada 31 Disember 2022.

Butir	Debit RM	Kredit RM
Elaun Sarah	4 800	
Elaun Ramzi	1 500	

Perkongsian bersetuju Sarah dan Ramzi dibayar elaun sebanyak RM500 sebulan.

Manakah catatan yang betul dalam Akaun Semasa?

- A **Akaun Semasa (Petikan)**
- | Tarikh | Butir | Sarah<br>RM | Ramzi<br>RM |
|--------|-------|-------------|-------------|
| Dis 31 | Elaun | 500         | 500         |
- B **Akaun Semasa (Petikan)**
- | Tarikh | Butir | Sarah<br>RM | Ramzi<br>RM |
|--------|-------|-------------|-------------|
| Dis 31 | Elaun | 1 200       | 4 500       |
- C **Akaun Semasa (Petikan)**
- | Tarikh | Butir | Sarah<br>RM | Ramzi<br>RM |
|--------|-------|-------------|-------------|
| Dis 31 | Elaun | 4 800       | 1 500       |
- D **Akaun Semasa (Petikan)**
- | Tarikh | Butir | Sarah<br>RM | Ramzi<br>RM |
|--------|-------|-------------|-------------|
| Dis 31 | Elaun | 6 000       | 6 000       |



31. Akaun manakah yang ditutup dan dipindahkan ke Akaun Realisasi?

- A Akaun Bank
- B Akaun Inventori
- C Akaun Pinjaman
- D Akaun Belum Bayar

32. Maklumat berikut diambil daripada Perkongsian Zafisya semasa pembubaran perniagaannya.

	RM
Jumlah aset (termasuk baki akaun bank RM3 500)	58 500
Jumlah liabiliti	7 000

Maklumat tambahan:

- i) Semua aset dijual pada harga RM52 000
- ii) Belanja realisasi RM700
- iii) Liabiliti dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM2 300
- B RM3 300
- C RM3 700
- D RM7 200

33. Apakah keistimewaan pemegang syer biasa?

- A Menerima tunggakan dividen
- B Berpeluang mengundi dalam Mesyuarat Agung
- C Mendapat dividen dengan kadar yang tetap setiap tahun
- D Berhak membuat tuntutan modal terlebih dahulu jika syarikat dibubarkan

- 34 Syarikat Ayubi Berhad menjalankan perniagaan percetakan. Pada 10 April 2023, syarikat menerbitkan 2 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1 sesyer dan 3 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 24 April 2023, semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh?

- A RM1 660 000
  - B RM3 500 000
  - C RM5 000 000
  - D RM7 500 000
- 35 Item yang manakah merupakan perbelanjaan modal bagi kelab dan persatuan?

- A Derma
- B Lesen restoran
- C Belianengkapan
- D Sewa bangunan kelab

- 36 Berikut ialah Akaun Yuran Kelab Sentosa.

Akaun Yuran

		RM			RM
Jan 1	X	120	Dis 31	Bank	7 000
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	6 730			
	Y	150			
		<u>7 000</u>			<u>7 000</u>

Apakah X dan Y ?

	X	Y
A	Yuran belum terperoleh	Yuran belum terima
B	Yuran belum terperoleh	Yuran belum terperoleh
C	Yuran belum terima	Yuran belum terperoleh
D	Yuran belum terima	Yuran belum terima

37 Berikut adalah petikan Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Damai Alam.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022	
	RM
Yuran 2021	200
Yuran 2022	5 400
Yuran 2023	350

**Maklumat Tambahan:**

Yuran belum terima pada 31 Disember 2022 ialah RM250.

Berapakah jumlah yuran yang akan direkod dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

- A RM5 400
- B RM5 650
- C RM5 950
- D RM6 200

38 Antara berikut, yang manakah kos overhead?

- I Gaji penyelia stor
- II Gaji operator kilang
- III Angkutan masuk
- IV Belanja alat-alat kecil

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV



39 Antara berikut, item yang manakah merupakan komponen Kos Prima ?

- I Bahan api
- II Gaji penyelia
- III Cap dagangan
- IV Bahan langsung

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Berikut adalah maklumat yang berkaitan dengan pengeluaran 2 000 beg.

	RM
Bahan langsung	24 000
Sewa kilang dan alatan	15 000
Gaji penyelia	5 000
Gaji operator pengeluaran	16 000
Harga jualan seunit	40

Berapakah untung atau rugi jika kilang mengeluarkan 900 beg?

- A Untung RM5 200
- B Untung RM3 000
- C Rugi RM2 000
- D Rugi RM9 200

**TAMAT**